

# **KOMBINASI MODEL LEECH (1983) & GRICE (1975): MANIFESTASI POLA KESOPANAN BERBAHASA *MELUNAS RINDU***

**(MANIFESTATION OF LANGUAGE POLITENESS PATTERN IN *MELUNAS  
RINDU*: COMBINATION MODEL OF LEECH (1983) & GRICE (1975))**

Sara Beden<sup>1</sup>  
Indirawati Zahid<sup>2</sup>

## **Abstrak**

*Makalah ini bertujuan untuk menganalisis pola kesopanan berbahasa dalam teks Komsas yang bertajuk Melunas Rindu. Kajian ini akan menggabungkan dua model kesopanan, iaitu model Leech (1983) dan Grice (1975) yang membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum. Analisis dilakukan atas 11 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 1. 11 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 1 mematuhi prinsip hampir sama dengan kehadiran maksim (i) Persetujuan, (ii) Cara dan (iii) Maksim Persetujuan dan Cara. Dapatan analisis penggunaan jumlah maksim dan dialog pula bervariasi atas faktor konteks. Analisis konteks pula memperlihatkan dua variasi penyediaan konteks wujud, iaitu (i) pradata dan (ii) pra dan pascadata dengan enam peristiwa yang kewujudan penyediaan konteksnya signifikan manakala lima peristiwa lagi sebaliknya. Kesimpulannya, dapatan analisis memperlihatkan penyediaan konteks tidak memberikan impak yang menyeluruh terhadap pola kesopanan berbahasa dalam peristiwa Melunas Rindu.*

**Kata kunci:** Konteks, Kesopanan, Pola Kombinasi Maksim

## **Abstract**

*This paper aims to analyse language politeness pattern in the literature novel entitled Melunas Rindu. This study will combine two models of politeness, Leech (1983) & Grice (1975) which forms the General Maxim Combination Pattern Model (MPKMU). Analysis had been done to 11 events which has been classified as Pattern 1. The 11 events classified under the pattern 1 adhere to the almost similar principle of emergent maxim 1) Agreement 2) Manner 3) Agreement and Manner. The results of the analysis varies on the context factor based on the usage of overall maxims and dialogues. Analysis of context has shown two variations of preparation context exists which is 1) pre-data 2) pre and post data with six events on the existence of context preparation is significant while five others are on the*

---

<sup>1</sup> Sara Beden merupakan calon PhD di Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. E-mail: sra7109@yahoo.com.my

<sup>2</sup> Prof Madya Indirawati Zahid merupakan Pensyarah, di Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur Malaysia. E-mail: indirawati@um.edu.my

*contrary. As a conclusion the analysis of the results shows that preparation in context did not give a holistic impact towards language politeness pattern in Melunas Rindu.*

**Keywords :** *Contexts, Politeness, Combination Maxim Patterns*

2016 GBSEJournal

## **Pendahuluan**

Asmah Omar (1986, p. 178) berpendapat bahawa bahasa merupakan wahana komunikasi paling berguna kepada manusia, sebagai penghubung yang baik antara seorang individu dengan individu yang lain atau organisasi. Pandangan ini memmanifestasikan bahawa unsur-unsur bahasa harus digunakan dengan tepat, santun dan cakap berlapis agar penyampaian maklumat lebih berkesan dan lengkap sekali gus berhubung rapat dengan kesopanan berbahasa. Tenas Effendy (2011, p.1) menyatakan bahawa kesopanan menjadi asas kejatidirian Melayu yang terpuji sebagaimana dalam ungkapan adat Melayu, iaitu *Berbuah kayu rendang daunnya, bertuah Melayu terbilang santunnya. Elok kayu kerana daunnya, elok Melayu kerana santunnya*. Pandangan Tenas Effendy ini sejalar dengan gagasan Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan, iaitu memberikan penekanan terhadap tatacara, adab dan sopan dalam berkomunikasi agar kesopanan terpelihara sekali gus tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Kesopanan berbahasa dalam bahan tulisan terpancar menerusi pemilihan unsur-unsur bahasa yang diungkapkan oleh para watak yang dicipta oleh pengarang untuk menyampaikan idea dan pemikiran sebagaimana yang menjadi hasrat pengarang. Perkara ini selaras dengan pandangan Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014, p.158) bahawa aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Sehubungan itu, pengintegrasian bahan sastra yang dikenali sebagai Komsas pada tahun 2000 secara terancang dalam mata pelajaran bahasa Melayu merupakan tindakan yang konstruktif dan memberikan manfaat kepada para murid. Karya sastra memaparkan perihal kemanusiaan, keluhuran dan kehalusan berbahasa yang dapat menyemai nilai-nilai yang mulia dalam memenuhi aspirasi dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berkehendakkan pengembangan potensi individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001, p.6-8). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan aspek kesopanan berbahasa dalam teks Komsas, iaitu novel *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah (2009) yang digunakan oleh para murid di Zon 4 (Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan) dengan menggunakan dialog watak utama, iaitu Fuad dan watak sampingannya, iaitu Farhana.

## **Sorotan Literatur**

Aspek kesopanan berbahasa telah mendapat perhatian sarjana-sarjana di Barat termasuk Lakoff (1975) yang memperkenalkan tiga peraturan yang perlu dipatuhi dalam perbualan, iaitu kekalkan jarak, jadikan pendengar selesa dan ekspreskan simpati. Grice (1975) telah menyetengahkan Prinsip Kerjasama (PK) menerusi empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Maksim-maksim ini dijadikan sebagai garis panduan dalam berkomunikasi bagi mewujudkan kerjasama antara satu sama lain. Brown & Levinson (1978)

pula mengemukakan konsep muka positif dan konsep muka negatif sebagai asas strategi kesopanan. Setiap peserta perbualan mengutamakan kehendak *muka* agar diberi penghormatan selain matlamat komunikasi mereka tercapai. Sementara Leech (1983) telah mengusulkan Prinsip Kesopanan (PS) menerusi enam maksim kesopannya, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati. Keenam-enam maksim ini menjadi gagasan dalam model Leech yang mengutamakan adab sopan dalam perbualan supaya tiada pihak yang tersinggung. Kajian ini turut berkembang di Asia dan muncul pengkaji antaranya Ide (1982) yang mengkaji kesopanan dalam masyarakat Jepun. Ide menadapati bahawa masyarakat Jepun lebih mementingkan penggunaan bahasa honorifik dalam perbualan bagi menggambarkan kehalusan berbahasa. Matsumoto (1988) turut mendapati perkara yang sama bahawa penggunaan bahasa honorifik mendominasi perbualan dalam kalangan masyarakat Jepun. Gu (1990), Mao (1994) dan Khaidi Zhan (1992) pula memberikan fokus terhadap masyarakat China. Sarjana-sarjana ini mendapati bahawa aspek kesopanan dalam masyarakat China ditentukan oleh faktor sosiobudaya yang menjadi norma dalam sesebuah komunitinya dan turut mendapati bahawa model Brown dan Levinson lebih bersifat individu dan tidak relevan untuk meneliti kesopanan dalam masyarakat China. Pengkaji-pengkaji ini mendapati konsep *muka* bukan hak individu tetapi kepunyaan kumpulan sosial atau masyarakat dan berbeza mengikut sistem nilai dan norma dalam sesebuah masyarakat. Kummer (1992) dan Scupin (1998) yang memberikan tumpuan terhadap masyarakat Thai pula mendapati faktor budaya termasuk tatattingkat status sosial dan agama mendasari dan mempengaruhi penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat tersebut.

Kajian kesopanan turut diberi perhatian oleh pengkaji dalam negara menerusi pelbagai ranah bahasa seperti komunikasi, urusan jual-beli, urusan rasmi, ceramah motivasi, perbualan seharian, aspek budaya dan teks sastera. Perkembangan ini turut memperlihatkan perkembangan kajian dengan menggunakan bahan Komsas. Antaranya terdapat dalam kajian Tan Ang Gaik (2003) yang memberikan perhatian terhadap isu kasih sayang dalam genre cerpen dan mendapati isu ini diberikan keutamaan oleh pengarang. Siti Zakiah (2003) pula meneliti aspek minat dan nilai-nilai murni dengan menggunakan novel *Julia* dan *Perlumbaan Kedua*. Kajian ini mendapati bahawa para murid lebih meminati novel *Julia* dan ternyata novel lebih sesuai dijadikan bahan bacaan para murid. Kecenderungan minat para murid membaca novel ini disebabkan faktor jalan cerita yang menarik, wataknya yang pelbagai, bahasanya yang mudah difahami selain memaparkan isu-isu yang bersifat realiti, iaitu relevan dengan kehidupan masyarakat. Shukri Zakaria (2007) pula membuat kajian yang bertajuk *Analisis Nilai-Nilai Murni: Satu Kajian terhadap novel Panas Salju*. Pengkaji ini menggunakan Komsas Tingkatan Tiga dengan memberikan fokus terhadap kandungan nilai-nilai murni dalam novel *Panas Salju* berlandaskan nilai-nilai murni yang digunakan dalam model Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel *Panas Salju* berjaya menepati kehendak 16 nilai murni dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah di samping meningkatkan kemahiran berbahasa dan penguasaan isi kandungan pelajaran yang berasaskan nilai-nilai agama dan sosiobudaya tempatan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang telah dibincangkan itu tidak memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa. Berdasarkan penyelidikan, didapati tiga kajian, iaitu Nor Azian Abd Aziz (2005), Nurul Jamilah (2010) dan Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar (2011) memberikan fokus kepada aspek kesopanan dengan menggunakan teori linguistik, iaitu PS Leech (1983). Nor Azian meneliti novel *Seteguh Karang* dengan mengaplikasikan keenam-enam maksim dalam PS Leech manakala Nurul Jamilah pula menggunakan novel *Julia* sebagai data korpus untuk menganalisis aspek lakuan bahasa maaf.

Noor Hatini & Siti Saniah pula membuat kupasan tentang unsur eufemisme dalam novel *Papa* dan *Azfa Hanani* dan mendapati bahawa watak dalam kedua-dua buah novel menunjukkan penggunaan bahasa halus atau eufemisme dalam berkomunikasi. Ketiga-tiga kajian ini menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk membuat kajian lebih lanjut dengan menggunakan novel *Melunas Rindu* berdasarkan pengaplikasian dua model, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975). Kesimpulannya, kajian tentang kesopanan memperlihatkan perkembangannya sekali gus mencerminkan signifikannya bidang ini diberi tumpuan menerusi pelbagai korpus termasuklah korpus bahan sastera.

## Objektif

Kajian ini bertujuan untuk memanifestasikan pola kesopanan berbahasa dalam *Melunas Rindu* berlandaskan kombinasi model Leech (1983) dan Grice (1975). Lanjutan itu, pola kombinasi maksim yang terhasil akan dianalisis penggunaannya berdasarkan prinsip hampir sama. Seterusnya, analisis dilakukan terhadap penggunaan jumlah maksim dan dialog bagi mengenal pasti faktor yang menyebabkan variasi penggunaannya. Variasi penggunaan tersebut disebabkan faktor konteks dan analisis konteks dilakukan terhadap 11 peristiwa bahasa yang dijadikan data kajian. Analisis konteks ini akan dapat memperlihatkan jumlah dan peratusan peristiwa yang konteksnya bersifat signifikan atau sebaliknya.

## Metodologi dan Kerangka Teoritis

Kajian ini menggunakan tiga kaedah, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kuantitatif. Kaedah analisis teks melibatkan pembacaan secara teliti, pengkategorian dialog watak yang dipilih, pelabelan atau pengekodan, pengklasifikasian peristiwa bahasa dan analisis data dengan menggunakan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). MPKMU terbentuk hasil daripada kombinasi dua model kesopanan, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975). Leech telah mengutarakan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati manakala Grice telah mengetengahkan empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Pembentukan model baharu ini melibatkan proses penggabungan dan pengguguran maksim dan pengaplikasiannya berlandaskan tiga prinsip, iaitu hampir sama, ekonomis dan tepat. Berdasarkan pembentukan tersebut, terdapat enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Model Pola Kombinasi Maksim Umum

<b>Pola</b>	<b>Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)</b>
<b>Pola 1</b>	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)
<b>Pola 2</b>	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS+3 PK)
<b>Pola 3</b>	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS+2 PK)
<b>Pola 4</b>	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS+1 PK)
<b>Pola 5</b>	Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)

<b>Pola 6</b>	Kebijaksanaan (1 PS)
---------------	----------------------

Berdasarkan Jadual 1, terdapat enam pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1 : 6 PS + 4 PK; Pola 2 : 5 PS + 3 PK; Pola 3 : 4 PS + 2 PK; Pola 4 : 3PS + 1 PK; Pola 5 : 2 PS dan Pola 6 : 1 PS yang terbentuk dalam MPKMU. Model ini diaplikasi bagi menganalisis data kajian.

Kajian ini dibataskan kepada 11 daripada 33 peristiwa yang mematuhi Pola 1 berdasarkan MPKMU dalam novel *Melunas Rindu* menerusi dialog Fuad dan Farhana. 11 peristiwa tersebut terdapat dalam Jadual 2 berikut :

Jadual 2. Batasan kajian

<b>Pola</b>	<b>Pola Kombinasi Maksim</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Jumlah Peristiwa</b>	<b>Jumlah Dialog</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>1</b>	6 PS + 4 PK- (Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara)	1,2,3,7,11,22,25,28,30,31&32	11	93	42.09

Berdasarkan Jadual 2, Pola 1 dipatuhi 11 peristiwa yang diwakili 93 dialog (42.09 %) dengan pematuhan pada prinsip hampir sama dalam MPKMU. 11 peristiwa bahasa dalam Pola 1 ini akan digunakan dalam perbincangan.

### Konsep Operasional

Konsep yang digunakan dalam makalah ini termasuklah:

(i) Prinsip hampir sama: Prinsip hampir sama merujuk kepada pola kombinasi maksim yang memenuhi cakupan maksim yang hampir sama dengan Pola 1, 6 PS + 4 PK dan Pola 2, 5 PS + 3 PK dalam MPKMU. Maksim-maksim yang memenuhi cakupan Pola 1 ialah Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Dalam kasus ini, pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis perlu memenuhi kriteria (i) kehadiran Maksim Simpati (ii) kehadiran Maksim Cara atau (iii) kehadiran Maksim Simpati dan Maksim Cara selain maksim-maksim yang lain. Sementara maksim-maksim yang memenuhi cakupan dalam Pola 2, ialah Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Kuantiti, Kualiti dan Relevan. Dalam kasus ini, pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis perlu memenuhi kriteria (i) kehadiran Maksim Persetujuan (ii) kehadiran Maksim Simpati atau (iii) kehadiran Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati selain cakupan maksim-maksim lain.

(ii) Konteks : Konteks merujuk kepada satu perenggan sebelum dan satu perenggan selepas peristiwa yang dirujuk jika didapati relevan dan berkesinambungan dengan data. Sekiranya berlaku kasus sebaliknya, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas peristiwa yang dirujuk akan diambil kira sebagai konteks.

(iii) Signifikan : Signifikan merujuk kepada analisis konteks yang memberikan impak atau kesan kepada penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa bahasa sama ada berdasarkan kewujudan konteks pradata sahaja atau pascadata sahaja atau gabungan pra dan pascadata.

(iv) Pradata : Pradata merujuk kepada kewujudan penyediaan konteks sebelum data atau peristiwa bahasa yang dirujuk.

(v) Pascadata : Pascadata merujuk kepada kewujudan penyediaan konteks selepas data atau peristiwa bahasa yang dirujuk.

### Hasil Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan memmanifestasikan 11 peristiwa ini mematuhi prinsip hampir sama dalam pengaplikasian MPKMU Pola 1, iaitu mematuhi kehadiran Maksim Simpati, mematuhi kehadiran Maksim Cara dan mematuhi kehadiran maksim Simpati dan Cara seperti dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3. Hasil dapatan

Pola	Tiga kriteria prinsip hampir sama	No. peristiwa	Jumlah	Peratus (%)
Pola 1, 6 PS+ 4 PK	Mematuhi kehadiran Maksim Simpati	22,25,30&31	4	36.4
	Mematuhi kehadiran Maksim Cara	1,2,7,28&32	5	45.5
	Mematuhi kehadiran maksim Simpati dan Cara	3&11	2	18.1
<b>Jumlah</b>			<b>11</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan memmanifestasikan (i) kehadiran Maksim Simpati dalam empat peristiwa (36.4%), seterusnya (ii) kehadiran Maksim Cara dalam lima peristiwa (45.5 %) dan (iii) kehadiran maksim Simpati dan Cara dalam dua peristiwa (18.1 %). Pola 1 merupakan pola kombinasi maksim yang memmanifestasikan gabungan sempurna bagi kedua-dua model kesopanan tersebut.

Analisis terhadap penggunaan jumlah maksim dan dialog dalam data kajian memmanifestasikan hasil dapatan yang bervariasi sebagaimana dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4. Analisis penggunaan jumlah maksim dan dialog Pola 1

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 1 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	1	3	5
2	2	3	2
3	28	3	11
4	3	4	6
5	7	4	11
6	22	4	14
7	11	5	10
8	25	5	11
9	31	5	8
10	30	2	3
11	32	6	12

Berdasarkan Jadual 4, dapatan memmanifestasikan dua variasi berdasarkan analisis peristiwa dalam Pola 1 ini. Variasi tersebut ialah (i) penggunaan jumlah maksim sama, jumlah dialog berbeza yang dipatuhi peristiwa 1, 2, 28, 3, 7, 22, 11, 25 dan 31 dan (ii) penggunaan jumlah

maksim berbeza, jumlah dialog berbeza yang dipatuhi peristiwa 30 dan 32. Dapatan ini memmanifestasikan variasi dari segi penggunaan jumlah maksim dan dialog disebabkan faktor konteks.

Oleh itu, analisis konteks dilakukan terhadap 11 peristiwa dalam Pola 1. Berdasarkan analisis konteks, dapatannya adalah seperti dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5. Dapatan Analisis Konteks Peristiwa Pola 1

Sifat : Signifikan/Tidak signifikan/	Penyediaan Konteks	No. Peristiwa	Jumlah Peristiwa		Peratus (%)
	Pra dan Pascadata/ Pradata/Pascadata/				
Signifikan	Pra dan Pascadata	1,2,25,30 dan 31	5	6	54.5
	Pascadata	3	1		
Tidak Signifikan	Pra dan Pascadata	28 dan 22	2	5	45.5
	Pascadata	7, 11 dan 32	3		
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>		<b>100</b>	

Jadual 5 memaparkan dapatan analisis konteks terhadap 11 peristiwa bahasa dalam Pola 1, 6 PS+ 4 PK. Berdasarkan analisis, terdapat dua variasi situasi penyediaan konteks, iaitu variasi (i) pascadata dalam peristiwa 3, 7, 11 dan 32 manakala variasi (ii) pra dan pascadata dalam peristiwa 1, 2, 28, 25, 22, 30 dan 31. Dapatan berdasarkan analisis terhadap peristiwa variasi (i) dan variasi (ii) berdasarkan konteks memperlihatkan faktor penyediaan konteks bersifat signifikan dalam mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dalam enam peristiwa. Walau bagaimanapun, didapati kewujudan penyediaan konteks tidak bersifat signifikan sebagaimana kasus yang berlaku dalam peristiwa 28, 7, 11, 22, dan 32 atas faktor tertentu, iaitu (i) pengulangan unsur pertanyaan (ii) penyelitan unsur lawak atau gurauan (iii) keperluan kepadatan maklumat dan (iv) kepelbagaian isu dan topik yang wujud secara spontan.

Analisis ini melibatkan dua peristiwa bahasa sahaja, iaitu peristiwa 2 yang mewakili penyediaan konteks yang bersifat signifikan dan peristiwa 28 yang mewakili penyediaan konteks yang bersifat tidak signifikan. Analisis **peristiwa 2** berdasarkan konteks peristiwa terdapat dalam Jadual 6 berikut :

Jadual 6: Analisis konteks peristiwa 2

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad meminta dipanggil dengan nama saja. (ii)Farhana memberitahu tentang kelas dan jumlah kelas yang akan diajar Fuad. (iii)Farhana turut memberitahu jumlah waktu dan jadual Fuad. (38)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran awal bahawa Fuad akan bertanya lebih lanjut tentang kelas yang akan diajarnya.
	<b>Data: (38-39)</b> Mula: Murid-muridnya macam mana? Akhir: Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbeza. Nanti saya	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad ingin tahu tentang tahap kecerdasan pelajar kelasnya. (ii)Farhana memberikan penerangan (iii)Farhana memberikan cadangan teknik pengajaran (iv)Farhana meminta Fuad agar

	beritahu perlahan-lahan. Hari ni taklimat saja.	menyesuaikan diri perlahan-lahan.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad membuat catatan dengan tekun tentang penerangan Farhana. (ii)Farhana memerhati Fuad. (39)	Konteks ini berkesinambungan dengan peristiwa 2, iaitu Fuad mencatat maklumat ekoran daripada penerangan dan cadangan Farhana.

Peristiwa 2, iaitu peristiwa perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar dalam Jadual 6, memmanifestasikan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks pradata memaparkan konteks yang relevan dengan data (inti pati). Maklumat pradata memberikan gambaran bahawa Fuad ingin mengetahui lebih lanjut tentang kelas yang bakal diajarnya. Inti pati data memaparkan maklumat tentang tahap pelajar, penerangan, cadangan dan harapan Farhana agar Fuad pandai menyesuaikan diri. Konteks pascadata juga relevan kerana berkesinambungan dengan inti pati data, iaitu ketekunan Fuad mencatat penerangan Farhana. Oleh itu, penyediaan konteks pradata dan pascadata ini didapati signifikan dalam peristiwa ini walaupun dengan hanya penggunaan dua dialog. Jumlah dua dialog ini dapat melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini sekaligus mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad hendak mengetahui tahap kecerdasan pelajar-pelajarnya. Konteks turut signifikan atas faktor kesesuaian penggunaan unsur-unsur bahasa dengan topik yang menjadi fokus perbincangan.

Analisis bagi **peristiwa 28** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 7 yang berikut:

Jadual 7: Analisis konteks peristiwa 28

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
28	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad mengajak Farhana berbincang. (ii)Fuad menarik tangan Farhana kerana nalurinya menyatakan Farhana mahramnya. (iii)Fuad pasrah kalau itulah takdirnya. (182)	Konteks ini relevan dengan data, iaitu memberikan gambaran bahawa Fuad hendak berbincang dengan Farhana dan sudah dapat meneka bahawa dia dan Farhana bersaudara, lantas menyiasat lebih lanjut.
Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana	<b>Data: (182-184)</b> Mula: Ana ... Betul ke nama mak kau, Mariana?  Akhir: Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah. Segala-galanya bergantung pada jawapan engkau selepas ini. Boleh?	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad bertanya tentang nama ibu Farhana (ii)Farhana memberikan jawapan (iii)Isu nama ibu mereka yang sama., (iv)Fuad mengusul dan bertanyakan hal ini berulang-ulang kali (v) Fuad menasihati Farhana agar menghadapi takdir (vi)Fuad akan menyiasat lebih lanjut
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana mendengar kata-kata Fuad. (ii)Farhana menjadi cemas dan berdebar-debar untuk menghadapi kenyataan itu (184)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan peristiwa 28, iaitu memberi gambaran emosi Farhana apabila mendengar perkara yang diluar dugaannya.



Peristiwa 28, iaitu peristiwa Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana dalam Jadual 7 memantapkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks pradata didapati relevan dengan data (inti pati). Paparan maklumat dalam konteks pradata sudah memberikan gambaran bahawa Fuad hendak berbincang perkara yang mustahak dengan Farhana. Maklumat ini relevan dengan inti pati data, iaitu tentang pertanyaan Fuad yang berulang-ulang kali tentang nama ibu Farhana selain nasihatnya kepada Farhana. Konteks pascadata juga relevan kerana berkesinambungan dengan inti pati data, iaitu tentang emosi Farhan setelah mendengar perkara yang mengejutkannya. Walau bagaimanapun, didapati penyediaan konteks pradata dan pascadata tidak signifikan kerana penggunaan jumlah dialognya tinggi, iaitu 11 dialog. Penggunaan 11 dialog ini dipengaruhi faktor penggunaan unsur pengulangan yang berulang-ulang oleh watak Fuad setelah mendapati nama ibu mereka sinonim. Pengulangan unsur pertanyaan amat signifikan dalam peristiwa ini dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas. Menurut Abdul Ganing Laengkang (2010, p.100) pengulangan digunakan untuk memberikan penekanan agar maklumat yang disampaikan lebih jelas dan mudah diingat. Pengulangan unsur pertanyaan dalam peristiwa ini berlaku ekoran daripada nama ibu Fuad dan Farhana yang sama sehingga Fuad memerlukan maklumat yang jelas dan tepat daripada Farhana. Penggunaan unsur pertanyaan yang signifikan dalam peristiwa ini menyumbang kepada peningkatan penggunaan jumlah dialog dan impaknya penyediaan konteks menjadi tidak signifikan. Walau bagaimanapun, aspek kesopanan tetap dipelihara menerusi penggunaan unsur-unsur bahasa yang bertepatan dengan topik dan perbincangan.

## Kesimpulan

Ringkasnya, didapati objektif kajian ini telah dicapai sebagaimana yang dimanifestasikan oleh 11 peristiwa Pola 1 dalam MPKMU. Paparan penggunaan maksim dalam setiap 11 peristiwa memenuhi cakupan maksim dalam Pola 1 MPKMU sebagaimana pematuhannya terhadap pengaplikasian prinsip hampir sama. Analisis penggunaan jumlah maksim dan dialog dalam 11 peristiwa ini memantapkan variasi atas faktor konteks. Berdasarkan analisis konteks terhadap 11 peristiwa dalam Pola 1 ini, didapati kewujudan konteks bukanlah keperluan yang wajib wujud dalam komunikasi dan turut memberikan interpretasi bahawa kewujudan konteks tidak memberikan impak yang menyeluruh bagi menjamin kecukupan maklumat bagi mencapai objektif komunikasi. Dapatan ini memperjelas bahawa keserasian dan kesesuaian penggunaan unsur-unsur bahasa dengan perkara yang menjadi topik perbincangan amat signifikan sehingga memberi impak terhadap penggunaan jumlah dialog. Ringkasnya, watak Fuad dan Farhana dalam *Melunas Rindu* berkecenderungan menyampaikan maklumat yang mencukupi dan lengkap bagi menggambarkan kesopanan berbahasa sehingga objektif komunikasi tercapai. Marlyna Maros (2011, p.7) mengatakan bahawa salah satu sifat kemanusiaan yang mungkin membezakan kita dengan spesies lain adalah amalan kesantunan dalam interaksi sesama manusia.

## Rujukan

- Abdul Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Asmah Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Grice, H.P. (1975). Logic and conversations. Dalam Cole, P. & Morgan (Ed.), *Syntax and semantic : Speech act*. (pp. 41-58). New York: Academic Press.
- Gu, Y. (1990). Politeness phenomena in modern Chinese. *Journal of Pragmatics*, 14, 237-257.
- Ide, S. (1982). Japanese sociolinguistics politeness and women's language. *Jurnal Lingua*, 57, 357-385.
- Lakoff, R.T. (1975). Language and woman's place. New York: Harper and Row, London.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Mao, L. M. R. (1994). Beyond politeness theory: Face revisited and renewed. *Jurnal of Pragmatics*, 12, 403-426.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran. *Jurnal Elektronik*, 3, 7-20.
- Matsumoto, Y. (1988). Politeness and conversations universals-observation from Japanese. *Jurnal Multilingua*, 8, 207-222.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, 12 (1), 83-108.
- Nor Azian Ab. Aziz. (2005). *Analisis kesantunan berbahasa : Satu kajian kes*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Noriati Abd. Rashid. (2003). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. (Tesis Kedoktoran yang diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nurul Jamilah Rosly. (2010). *Kesantunan berbahasa dalam novel Julia: Satu analisis lakuan bahasa maaf berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983)*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Falsafah pendidikan kebangsaan: Matlamat dan misi*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dan pola kesopanan bahasa dalam peristiwa *Melunas Rindu*. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*. 19, 151-168.
- Shukri Zakaria. (2007). Analisis nilai-nilai murni novel Panas Salju tingkatan 3. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Zakiah Mat Nor. (2005). Teks Komsas Perlumbaan Kedua dan Julia: Satu perbandingan kecenderunagn struktur kajian kes di Zon Utara Kubang Pasu. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Kuala Lumpur.
- Tan A. G. (2003). Cerpen-cerpen Komsas: Satu kajian tentang kompleksiti kasih sayang. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.